

12 gagasan pedoman kejayaan

Kelab Umno Luar Negara mahu laksana harapan Pak Lah

KUALA LUMPUR: Kelab Umno Luar Negara sepakat menjadikan 12 gagasan yang digariskan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai pedoman mencapai kejayaan diri dan menyumbang kepada negara, agama serta bangsa.

Pengerusi Kelab Umno Universiti Leeds dan Bradford, Najmil Faiz Mohamed Aris, berkata Presiden Umno menjelaskan harapannya sebagai pemimpin negara kepada seluruh rakyat.

"Kami tidak pernah lupa memastikan pembangunan modal insan yang dekat di hati Pak Lah, tidak diabaikan bagi mencapai sasaran dalam hidup dan pulang ke tanah air

untuk memperjuangkan nasib bangsa," katanya selepas pertemuan dengan Abdullah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Seramai 62 pemimpin kelab itu yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno, menghabiskan masa sejam bersama Perdana Menteri.

Najmil Faiz yang pernah mengharumkan nama negara dengan membentangkan kajian nano teknologi di Parlimen Britain, berkata nasihat Presiden Umno akan disampaikan kepada 250 ahli kelab.

"Pak Lah mahu menghapuskan tahap pemikiran kelas ketiga rakyat supaya seiring kemudahan kelas pertama yang dilengkapkan kerajaan," katanya.

an," katanya.

Pengerusi Kelab Umno Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Khairul Anuar Amin Khir menganggap wawasan Abdullah untuk memperkasakan pembangunan modal insan wajar diberi perhatian semua pihak terutama generasi muda.

Pelajar jurusan Ekonomi Islam itu, berkata setiap anak muda harus me-

mahami impian pemimpin negara seperti disampaikan dalam 12 gagasan itu kerana ia memerlukan kerjasama semua pihak.

"Malah, Perdana Menteri tidak membenarkan kami aktif dalam politik sekarang kerana mahu kami berjaya dalam pelajaran. Selepas matlamat itu dicapai, barulah kami digalakkan mendalami dunia politik dan menjadi pemimpin pelapis ne-

gara," katanya.

Ketua Puteri Kelab Umno Universiti Middlesex, London, Intan Fitriah Hashim Ali Khan berbesar hati dengan peluang menghadiri perhimpunan kali ini.

"Pak Lah menasihatkan kami mengenai kepentingan menjaga sahsiah, moral dan sikap selain mengelak terpengaruh ajaran sesat," katanya.